

27/08/2002

Kerajaan sedia tambah Sekolah Wawasan

KUALA LUMPUR, Isnin - Kerajaan bersedia menambah bilangan Sekolah Wawasan berikutan sambutan baik orang ramai terhadap projek perintis yang dijalankan di Subang Jaya.

Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad, berkata Kementerian Pendidikan sejak awal lagi sudah menjelaskan kepada orang ramai mengenai keyakinan bahawa Sekolah Wawasan akan mewujudkan sebuah sekolah yang baik dan boleh diterima masyarakat.

Tambahan pula, katanya, kerajaan tidak mempunyai niat lain melainkan berusaha untuk menggalakkan perpaduan.

"Oleh itu, kita sudah akan meneruskannya dengan lebih banyak (sekolah) di samping sembilan sekolah perintis.

"Kita sudah melihat kejayaannya. Jelas ia berjaya dan kita mahu orang ramai terus memperkatakan mengenainya iaitu mereka sukakan sekolah itu. Ibu bapa mesti menyuarakan kebaikannya dan kita akan terus membinanya," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri majlis pelancaran Universiti Terbuka Malaysia oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di sini, hari ini.

Akhbar hari ini melaporkan Sekolah Wawasan pertama di USJ15, Subang Jaya, menunjukkan kejayaan apabila pendaftaran murid baru untuk memasuki sekolah itu tahun depan sudah penuh.

Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Abdul Aziz Shamsuddin, berkata ramai ibu bapa bersungut tidak dapat menghantar anak mereka ke sekolah itu tahun depan.

Sekolah itu yang mengandungi murid dari Sekolah Kebangsaan, Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil berkongsi kemudahan sejajar dengan hasrat untuk menggalakkan perpaduan kaum.

Musa berkata, di samping Sekolah Wawasan di Subang Jaya itu, ada sebuah lagi sekolah yang sama beroperasi di Pundut, Lumut, tetapi hanya mengandungi Sekolah Kebangsaan dan Jenis Kebangsaan Tamil.

Katanya, kedua-dua Sekolah Wawasan berjalan dengan baik.

Beliau berkata, ketika ini kerajaan merancang membina sembilan Sekolah Wawasan serta mempunyai peruntukan yang mencukupi bagi tujuan berkenaan.